

NO. SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN
ABDUL AZIZ [RAUB]**

TARIKH : 1 APRIL 2014

SOALAN :

**YB. Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- a) adakah Kementerian akan meneruskan pembinaan '*cable-cars*' untuk Fraser's Hill di Raub; dan
- b) apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan daya tarikan Fraser's Hill sebagai tempat tumpuan pelancong.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan masih lagi meneliti kesesuaian cadangan bagi membina kemudahan 'cable-cars' untuk Fraser's Hill di Raub memandangkan sebelum ini Kerajaan Negeri Pahang telah membuat keputusan bahawa tiada sebarang pembangunan baru melibatkan infrastruktur di Fraser's Hill untuk mengekalkan imej dan suhu kawasan tanah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM 4.07 juta bagi pembangunan Parks & Garden dan menaiktaraf lanskap dan taman-taman di Fraser's Hill bagi mengekalkan konsep Little England bagi menarik kedatangan pelancong. Projek yang telah siap sepenuhnya pada Julai 2013 menjadi daya tarikan dan tumpuan utama pelancong di Fraser's Hill.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM 22.81 juta untuk meningkatkan kemudahan pelancongan di Fraser's Hill. Antara projek yang dilaksanakan adalah Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Puncak Inn, Menaiktaraf Bangunan Kedai, Menaiktaraf Banglo Pelancongan, Menaiktaraf Kemudahan Jalan Lingkaran, Meningkatkan Kemudahan di

Kawasan Air Terjun Jerlau, Menaiktaraf Kemudahan Asas di Gap, Menaiktaraf Kemudahan Asas dan Infrastruktur dan Kerja-kerja Penyelenggaraan.

Bagi meningkatkan daya tarikan Fraser's Hill sebagai tempat tumpuan pelancong, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga sentiasa mengadakan kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri dan pihak swasta dalam mempromosikan pelancongan di Negeri Pahang, di antaranya penganjuran acara- acara pelancongan di Fraser's Hill seperti 'Fraser's Hill International *Bird Race*' yang telah diadakan pada 23 dan 24 Jun 2013. Selain daripada itu, terdapat juga pakej '*Bird Watching 2013/2014*' yang turut diadakan sepanjang tahun kecuali November dan Disember.

Sekian, terima kasih.